

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB IR SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**  
**[KANGAR]**  
**TARIKH : 31 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Ir Shaharuddin Bin Ismail (Kangar)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kementerian akibat kerosakan peralatan di hospital dan klinik kesihatan akibat banjir buruk pada hujung tahun lepas dan nyatakan tempoh masa yang diperlukan untuk proses pemulihan sepenuhnya agar hospital dan klinik Kerajaan tidak mengalami gangguan perkhidmatan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Sehingga Januari 2015, anggaran keseluruhan kos bagi cadangan pembaikan penggantian pembinaan baru serta kesinambungan perkhidmatan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terlibat bencana banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak ialah RM387.51 juta. Permohonan peruntukan sebanyak RM387.51 juta telah dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) serta Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan pihak-pihak ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta.